

Warta **102** Konvo

Edisi 8 September 2025

**GRADUAN UiTM PENGGERAK
PEMBANGUNAN NEGARA**

**GRADUAN UiTM MAMPU
BERPERANAN SEBAGAI AGEN
PERUBAHAN UMMAH**

**DOKTOR HOLISTIK,
AMANAH BESAR BUAT NEGARA**



KONVOKEYEN MEMBAWA NURIZZAH HANNAH KE DUNIA FOTOGRAFI



oleh : Amni Harith Badrul Hisyam

Istiadat konvokesyen tidak dinafikan lagi sememangnya merupakan satu detik bersejarah dan detik yang paling dinantikan oleh para graduan dan keluarga.

Jika dilihat kepada perjalanan Istiadat Konvokesyen ke 102 setakat ini, kita telah saksikan semua pihak bertungkus-lumus dalam menjayakan istiadat yang penuh gilang-gemilang ini.

Di sebalik perjalanan konvokesyen kali ini, tidak dilupakan juga insan yang bertanggungjawab di sebalik merakamkan detik dan ketika indah berharga para graduan yang menjadikan ia sebagai satu kenangan yang abadi.

Salah seorang jurugambar yang terlibat Kali ini, Nurizzah Hannah Roslan, pelajar Fakulti Sains Gunaan.

Menurut Hannah, beliau tidak mengambil masa yang lama untuk berfikir dan menyertai pasukan fotografi konvokesyen edisi ke-102 kali ini kerana minatnya yang tinggi terhadap dunia fotografi.

“Saya dapat tahu maklumat mengenai pengambilan jurugambar untuk konvokesyen kali ke-102 ini, dan mereka mencari pelajar yang berminat untuk menjadi sebahagian dari pasukan jurugambar, dan saya memang ingin mengambil bahagian kerana ini merupakan minat saya,” kata Hannah.

“Tidak dinafikan saya berasa sangat gementar tapi pada masa sama saya berasa sangat teruja, kerana peluang ini tidak selalu datang



Nurizzah Hannah Roslan

bagi seseorang, di samping saya berpeluang untuk mengasah kemahiran saya yang tersendiri sebagai seorang jurugambar” tambah beliau lagi.

Bagi Hannah, saat bahagia yang dilihat olehnya menjadi satu punca inspirasi kepada minat beliau untuk berkecimpung di dalam bidang ini.

“Saya sangat suka untuk mengambil gambar -gambar berkaitan momen-momen bahagia dan menganggap gambar itu akan jadi sangat bermakna bagi saya bila mana sesuatu gambar itu ditangkap dan hasilnya dapat dilihat dengan penuh emosi dan mesej yang ingin disampaikan melalui gambar”.

Pengalaman pertama kali ini benar-benar satu pengalaman baharu buat Hannah yang mempunyai semangat dan minat yang tinggi bagi meluaskan lagi skill dan pengalaman beliau sebagai seorang jurugambar.



SIDANG REDAKSI JAWATANKUASA WARTA KONVO 102

*Hak cipta terpelihara. Diterbitkan oleh
Pejabat Komunikasi Strategik, UiTM
Dan Fakulti Komunikasi Dan Pengajian
Media UiTM*

Penasihat
Prof. Dr Ismie Roha Mohamed Jais,
Penolong Naib Canselor Komunikasi Strategik

Penasihat Editorial
En Abuzar Abdul Halim,
Ketua unit Perhubungan Awam dan Media

Ketua Editor
En Ahmad Faisal Mohamed Fiah,
Timbalan Dekan (HEP) Fakulti Komunikasi
dan Pengajian Media

Ketua Wartawan
Zaidatul Insyirah binti Suhaini

Wartawan
Aidil Adha bin Abdullah
Amni Harith bin Badrul Hisyam

Pereka Grafik
Muhammad Sahil bin Sulaiman
Ezureen Natasya binti Kahar Jaafar

Fotografi
Pejabat Komunikasi Strategik

Unit Perhubungan Awam dan Media
Pejabat Komunikasi Strategik